

BAHAGIAN A

Faedah-faedah Laman Sosial

Pengenalan

Dalam alaf milimium ini, pelbagai laman boleh kita guna di Internet.

- antara yang popular seperti facebook, WhatsApp dan Twitter
- menjadi landasan untuk masyarakat berkomunikasi sesama rakan
- memiliki lebih daripada satu laman belakangan ini

Idea-idea Utama

Antara manfaat penggunaan laman ini untuk menambahkan kenalan.

- mengesan sahabat-sahabat lama yang telah terpisah
- merapatkan kembali hubungan yang telah renggang akibat kekangan tugas dan pekerjaan
- menyatukan semula sahabat semasa zaman persekolahan di sekolah rendah, menengah mahupun universiti

Pada masa yang sama penggunaan laman ini mampu mempromosikan sesuatu barangan yang baharu.

- mudah, menjimatkan masa dan amat berkesan
- penyebarannya pula amat meluas dan tidak berhadapan dengan pelbagai masalah
- langkah yang bijak dalam meningkat jualan dan pendapatan yang lumayan

Penyebaran maklumat juga dapat dilakukan cepat dan berkesan.

- disertakan dengan gambar dan amat tepat
- tidak berlaku masalah dalam menyebarkan kepada masyarakat
- informasi terkini berlaku dan masyarakat mengetahui perkembangan semasa

Laman ini juga membantu kita bertukar-tukar idea dan pendapat

- membantu kita mendapatkan maklumat daripada rakan-rakan
- amat penting kepada golongan pelajar di menara gading
- membuahkan keputusan yang cemerlang
- maklumat amat mudah diperoleh iaitu hanya di hujung jari

Penutup

Laman ini sebenarnya mempunyai baik dan buruknya.

- bijak dalam menggunakan laman ini
- tidak mengaibkan atau menyebarkan berita yang palsu
- gunakan dengan penuh berhemah selari dengan budaya masyarakat timur.

BAHAGIAN B

1.

Punca terhakisnya semangat kejiranan dan cara mengatasi.

Pengenalan

Masyarakat di Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

- semangat kejiranan amat penting dalam mengekalkan perpaduan
- perpaduan yang kukuh menjamin keharmonian negara
- bebas dalam melakukan aktiviti harian dalam keadaan sempurna
- kemajuan turut berjalan dengan lancar

Idea-idea utama

Malangnya, kini semangat kejiranan semakin luntur ditelan zaman

- berlaku dengan berleluasa di kota metropolitan
- ghairah dalam mengejar kekayaan dan wang ringgit
- tidak penting untuk mengenali jiran tetangga
- wang bagi mereka adalah segala-galanya

Golongan ini juga bersikap keakuan dan suka menyendiri.

- mengenali jiran tetangga tidak banyak faedahnya
- bimbang jiran tetangga akan menyusahkan mereka
- berasa tidak selesa dan ego dengan pangkat yang ada pada mereka
- bergaul dengan golongan yang setaraf dengan mereka sahaja

Pelbagai langkah dapat dijalankan dalam menangani senario ini.

- aktiviti kemasyarakatan mestilah diperbanyak dari hari ke hari
- contohnya seperti mengadakan hari keluarga di sesebuah taman
- masyarakat setempat dapat mengenali antara satu sama lain
- tidak kekok untuk bergaul mesra antara satu sama lain

Aktiviti gotong-royong juga mampu menebalkan semangat kejiranan.

- berganding bahu dalam membersihkan kawasan tempat tinggal mereka
- bertukar-tukar idea demi kebaikan bersama
- aktiviti yang dijalankan berjalan dengan berkesan
- hubungan silaturahim turut dapat dipererat

Rumah terbuka dalam menyambut sesuatu perayaan perlu diperbanyak

- masyarakat pelbilang kaum saling berkunjung
- mengetahui budaya hidup rakan-rakan yang berlainan agama
- menjaga sensitiviti kaum lain dan saling menghormati
- semangat kejiranan pasti tidak akan pupus ditelan zaman

Penutup

Akhirul kalam semangat kejiranan amat penting dalam kalangan masyarakat

- landasan yang tepat dalam mengukuhkan perpaduan
- Slogan 1Malaysia dizahirkan dalam usaha mengekalkan keharmonian yang ada
- negara bertambah kukuh dan anasir luar yang berusaha untuk menjatuhkan negara akan gagal
- budaya nenek moyang ini wajar dipertahan kerana manfaatnya amat luas

2.

Kebaikan khidmat bimbingan dan kaunseling sekolah

Pendahuluan

- Mengaitkan peranan bimbingan dan kaunseling di sekolah dalam membantu pelajar dari aspek peribadi, akademik, dan kerjaya secara umum.

Isi-isi

- Masalah peribadi dikongsi bersama dengan kaunselor, terutamanya pembinaan sendiri. Pelajar-pelajar akan lebih berkeyakinan apabila berhadapan dengan persekitaran.
- Masalah dalam akademik cuba diatasi apabila berbincang dengan kaunselor. Kejayaan dalam akademik akan terhasil apabila segala masalah dapat diatasi.
- Masalah dalam kerjaya dikongsi dengan kaunselor. Kekurangan maklumat selepas selesai menduduki SPM ataupun peperiksaan umum dapat diselesaikan.
- Masalah dalam pergaulan seharian dengan rakan juga cuba dikongsi dengan kaunselor. Pelajar akan selesa bergaul dengan rakan tanpa ada sempadan dan prasangka.
- Pembentukan ciri-ciri kepimpinan melalui aktiviti yang dirancang oleh kaunselor ataupun pemimpin rakan sebaya (PRS).

Penutup

- Peranan khidmat bimbingan dan kaunseling sangat luas dalam sekolah.
- Pelajar perlu mendekati kaunselor apabila menghadapi sesuatu masalah.

Membeli barangan Malaysia

Pendahuluan

Malaysia pengeluar produk yang berkualiti dan setanding dengan produk yang diimport serta diiktiraf dunia. Kerajaan di bawah agensinya. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melancarkan kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia" sejak tahun 1984 lagi. Produk mencakupi barangan dan perkhidmatan membabitkan pelbagai sektor. Sebagai contoh, industri kraf tangan, industri permotoran, dan industri makanan. Sebaliknya, masyarakat bersikap seperti "kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan". Peranan pelbagai pihak amat dituntut dalam menggalakkan masyarakat membeli barangan buatan Malaysia.

Isi-isi

- Mengadakan kempen secara berterusan.
 - Peranan pihak kerajaan melalui agensinya dan media massa menyedarkan masyarakat.
 - Produk yang berkualiti dan setanding dengan produk import.
 - Masyarakat harus menyokong kempen dengan membeli barangan keluaran tempatan.
 - Elak pengaliran keluar mata wang negara.
- Memperluas perniagaan/ekspo.
 - Mempelbagai produk melalui produk hiliran.
 - Membangunkan industri kecil dan sederhana.
 - Mengadakan ekspo jualan. Contohnya, karnival jualan.
 - Kerjasama dengan agensi berkaitan. Contohnya, FAMA.
- Meningkatkan kualiti barangan.
 - Setanding dengan produk luar negara yang berjenama mahal. Contohnya, industri pakaian.
 - Menambah baik pembungkusan dan pengetinan,
 - Mendapatkan pengiktirafan seperti logo halal, menepati piawaian tertentu ISO, dan lain-lain.

Penutup

- Produk kita wajah kita. Kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia" tidak akan berjaya tanpa sokongan dan komitmen semua pihak.

3

Syarahan ‘Membanteras Jenayah Tanggungjawab Bersama’

Pendahuluan

- Format: Tajuk esei dan nama penulis
- Setiap masyarakat memerlukan keselamatan dan kesejahteraan hidup. Polis memainkan peranan penting untuk menjaga keamanan dan keselamatan dalam masyarakat. Tugas tersebut memerlukan kerjasama masyarakat, khususnya bagi membanteras kes jenayah.

Cadangan Isi

- Masyarakat memberi kerjasama kepada pihak keselamatan. Memberi maklumat dan laporan yang boleh membantu polis mengesan penjenayah.
- Masyarakat mengadakan pasukan kawalan di tempat tinggal. Mengadakan aktiviti kawalan serta aktiviti kemasyarakatan bagi mengelakkan ancaman penjenayah.
- Mengenali jiran-jiran dan orang asing yang masuk ke kawasan anda. Beritahu pihak berkuasa sekiranya ada individu atau kumpulan yang mencurigakan di tempat anda.
- Mengadakan kempen dengan mengedarkan risalah atau mengadakan perjumpaan/ceramah tentang keselamatan kepada masyarakat. Memberi pendidikan langkah-langkah pencegahan jenayah dalam masyarakat.
- Menjaga keselamatan rumah dan keluarga agar tidak terdedah kepada ancaman penjenayah. Contohnya, sentiasa menutup pintu pagar rumah - memberitahu pihak polis/jiran sekiranya anda balik kampung atau melancong dan meninggalkan rumah kosong.

Kesimpulan

- Semua pihak bertanggungjawab untuk membanteras jenayah. Kerjasama masyarakat membantu pihak berkuasa untuk menangani masalah jenayah dalam masyarakat. "Hidup sandar-menyandar bagai aur dengan tebing" perlu diamalkan untuk mengatasi masalah tersebut.

4.

Peranan guru melahirkan ramaja berilmu

Pendahuluan

- Guru sering dikaitkan dengan ungkapan yang berbunyi, "lilin yang membakar dan menerangi orang lain". Begitulah hebatnya manusia yang bergelar guru. Malah, guru pernah diangkat oleh Sasterawan Negara Usman Awang dalam sajaknya sebagai manusia hebat dalam membentuk keperibadian manusia.

Isi-isi

- Guru menyuburkan budaya intelek/ilmu pengetahuan.
 - Menggalakkan pemikiran inovatif / analitis dalam usaha pencarian ilmu yang berterusan dalam kalangan pelajar.
 - Usaha melalui pelbagai program yang menajamkan minda pelajar.
- Guru mendidik nilai kerohanian pelajar.
 - Guru memperkemas/memantapkan perkembangan emosi pelajar.
 - Bersedia menghadapi cabaran dan menggalas tanggungjawab menuntut ilmu/tidak jemu menuntut ilmu dan tahu mengaplikasi ilmu dalam kehidupan.
- Guru pencetus/pemangkin untuk pelajar melibatkan diri dalam proses membina negara bangsa.
 - Meningkatkan pemahaman pelajar tentang aspirasi negara.
- Guru menggalakkan perkembangan/penguasaan ICT dalam kalangan pelajar.
- Guru memupuk kemahiran insaniah - kemahiran komunikasi, pengucapan awam.

Penutup

- Peranan guru semakin besar dan mencabar dalam persekitaran sekolah mahupun dari perspektif masyarakat sekeliling.

5

Faktor-faktor warisan seni budaya semakin kurang diminati oleh generasi sekarang

Pendahuluan

- Budaya merupakan cara hidup yang diwariskan secara turun-temurun oleh suatu kaum atau masyarakat. Budaya tersebut menjadi identitas kaum serta menggambarkan tamadun suatu bangsa. Kehilangan budaya tersebut dalam masyarakat merupakan satu kerugian. Kita wajar mengenal pasti punca generasi kini kurang menghargai budaya warisan mereka.

Cadangan Isi

- Proses globalisasi menyebabkan kegiatan seni budaya tradisional semakin lesu.
 - Akibat globalisasi, kita terdedah kepada perkembangan budaya asing secara meluas.
 - Semua orang dapat mengikuti perkembangan seni budaya dunia terkini melalui internet/ facebook, blog, dan sebagainya.
 - Seni budaya asing yang baharu biasanya lebih menarik minat orang ramai.
 - Misalnya, generasi muda mahukan breakdance, hip-hop, tempo muzik yang lebih rancak dan sebagainya. Masakan tradisional diganti dengan makanan segera dari Barat
 - Akibatnya, tarian seni budaya tradisional seperti wayang kulit, makyung, ghazal, tarian kipas, tarian kuda kepang, dan sebagainya semakin dilupakan.
- Kemajuan dari segi teknologi maklumat.
 - Kini, permainan teknologi maklumat lebih memikat.
 - Misalnya, "PSP", "Wii", dan sebagainya.
 - Misalnya, permainan badminton dapat dijalankan melalui "Wii" dengan seorang diri sebagai pemain.
 - Pelbagai program permainan dapat "dimuat turun" daripada internet.
 - Pelbagai permainan dalam I-phone. Wifi, 3G memberi kesan audio visual lebih memikat.
 - Sebaliknya, congkak dikatakan membosankan dan tidak mencabar.
 - Begitu juga dengan wau dan gasing yang memakan masa menyediakannya dan memerlukan kemahiran dan kumpulan rakan. Misalnya, kanak-kanak bandar tidak tahu meligat gasing.
- Sikap masyarakat yang dingin juga menjejaskan budaya warisan kita.
 - Kehidupan kita semakin sibuk.
 - Selepas bekerja, rakyat tiada masa terluang untuk aktiviti seni tradisional yang perlukan kemahiran.

- Usaha menghasilkan tenunan kain songket, lukisan batik, dan kraf tangan yang lain memakan masa.
- Aktiviti permainan gasing dan wau mengambil masa panjang daripada mencari bahan mentah dan menghasilkannya.
- Tegasnya, hiburan tradisiooal tidak serasi deagan hidup sibuk kini.
- Yang lebih banyak ialah pusat yoga, pusat tarian moden, ginmasium bina badan, dan persolekan muka serta pelangsingan badan.
- Kekurangan pusat latihan turut menyebabkan masalah ini.
- Tanpa latihan khusus, bakat yang berpotensi tidak dapat diasah.
- Mereka yang berminat juga sukar mendapat peluang.
- Pusat perkembangan seni budaya tradisional amat terhad.
- Pusat sedemikian tidak menguntungkan jika tanpa tajaan kerajaan.
- Akibatnya, ramai rakyat yang berminat tidak mendapat latihan.
- Para pengamal seni tidak dapat menyampaikan ilmu ini kepada generasi muda.
- Siaran di media elektronik yang lebih menarik.
 - Televisyen menayangkan program-program yang lebih menarik.
 - Terdapat saluran televisyen yang pelbagai.
 - Program berbayar yang menarik minat pelbagai golongan.
- Kurangnya galakan dan promosi.
 - Pihak bertanggungjawab kurang menguar-uarkan budaya warisan.
 - Pihak media juga kurang mempromosikan kehebatan budaya warisan.
 - Pihak ibu bapa juga kurang menggalakkan anak-anak untuk membudayakan warisan terdahulu.

Kesimpulan

- Semua pihak perlu mempunyai kesedaran dan bekerjasama untuk memelihara budaya warisan bangsa. Masyarakat perlu kreatif dan inovatif untuk menerapkan roh warisan budaya bangsa agar dapat dihayati oleh generasi muda. "Biar mati anak, jangan mati adat" wajar dihayati falsafahnya secara tersirat. Tanpa budaya apalah ertinya sesuatu bangsa itu.